

Perkongsian ILMU MEMORI KORPORAT

Pengurusan Pengetahuan Perpustakaan Tun Abdul Razak Menerusi Memori Korporat

Pengurusan Pengetahuan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mula diperkenalkan sejak tahun 2004 iaitu sempena Bengkel Knowledge Management yang diadakan di COLMAR Tropical, Bukit Tinggi Resort, Pahang yang dihadiri oleh Pustakawan Perpustakaan UiTM. Hasil pendedahan menerusi bengkel tersebut, bermulalah satu lembaran penerokaan ilmu berkaitan proses-proses yang terlibat di dalam pengurusan pengetahuan yang boleh diaplikasikan ke dalam organisasi seperti PTAR untuk menjadi sebuah institusi yang menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UiTM. Pelaksanaan pengurusan pengetahuan di PTAR diperkemasukan lagi dengan penubuhan Unit Pengurusan Ilmu (kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Pengetahuan) PTAR pada tahun 2005 yang mana salah satu objektif penubuhannya adalah untuk mengurus dan menjalankan aktiviti perolehan bahan atau dokumen rasmi jabatan, untuk dimasukkan di dalam sistem pengurusan dokumen elektronik yang dikenali sebagai Memori Korporat (Corporate Memory) supaya boleh diakses dan dikongsi bersama oleh staf PTAR dan Perpustakaan UiTM Negeri (PUiTM).

Apa Itu Memori Korporat

Memori Korporat merupakan pusat penyimpanan dan pengaksesan sumber maklumat dan ilmu pengetahuan PTAR dan PUiTM Negeri yang terdiri dari pada bentuk tacit dan eksplisit (tacit and explicit knowledge) yang diperolehi daripada staf PTAR dan PUiTM. Memori Korporat dilaksanakan di atas platform sistem pengurusan dokumen elektronik yang dibangunkan bersama-sama pihak pembekal sistem berdasarkan keperluan-keperluan pihak PTAR. Bagi memastikan ilmu pengetahuan yang terdapat di PTAR dan PUiTM sentiasa terpelihara, penggunaan Memori Korporat ini dapat membantu dan menyokong keberkesanannya pelaksanaan aktiviti pembudayaan dan perkongsian ilmu khususnya di kalangan staf Perpustakaan.

Pada peringkat awal, pelaksanaan Memori Korporat PTAR dijalankan menerusi satu inisiatif yang dikenali sebagai i-Know 2 yang dirancang dan dibangunkan seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 bagi Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Malaysia Shah Alam. Fokus pelaksanaan i-Know 2 melibatkan kerjasama daripada Bahagian-bahagian di PTAR dan Perpustakaan Fakulti untuk mengumpul semua dokument-dokumen rasmi jabatan masing-masing untuk disemak dan diproses oleh Unit Pengurusan Ilmu dan Unit Pendigitan Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat PTAR, sebelum bahan-bahan tersebut dimasukkan ke dalam sistem pengurusan dokumen elektronik Memori Korporat. Kerjasama erat yang wujud tersebut menjadi satu petunjuk kukuh kepada keinginan semua pihak untuk turut bersama-sama bekerjasama dan berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan yang terdapat di jabatan masing-masing dengan semua staf PTAR dan PUiTM.

Sesi Perkongsian Ilmu

Dalam usaha untuk meningkatkan budaya perkongsian maklumat menggunakan Memori Korporat di kalangan staf perpustakaan, Bahagian Pengurusan Pengetahuan dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran PTAR telah mengadakan Sesi Perkongsian Ilmu (SPI) pada tahun 2007 sehingga kini sebagai platform kepada staf-staf PTAR yang menghadiri kursus untuk berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan dengan staf PTAR yang lain tentang kursus yang telah dihadiri. Selain itu, bahan-bahan maklumat yang digunakan untuk sesi SPI tersebut akan diproses dan ditempatkan di dalam Memori Korporat supaya ia dapat diakses semula oleh staf-staf Perpustakaan UiTM yang lain. Maklumat kehadiran staf ke program SPI juga dimasukkan sebagai jadual latihan seperti yang ditetapkan oleh pihak UiTM. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 4 kali SPI diadakan yang melibatkan 12 sesi pembentangan oleh staf yang berkenaan. Kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan Sesi Perkongsian Ilmu ini.

